

Headline	Kumar tak rela kecewa lagi		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	21 Jun 2019	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Sukan	Page No	76
ArticleSize	98 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 9,773		



Kumar tak rela kecewa lagi

Kuala Lumpur: Selepas gagal dalam empat percubaan terdahulu, penjaga gol hoki negara, S Kumar tidak rela sekali lagi dikecewakan pada kempen kelayakan terakhir Sukan Olimpik Tokyo 2020 yang dijadual berlangsung November depan.

Pemain berusia 40 tahun itu kembali menyertai latihan selepas baru pulih daripada kecederaan koyak otot paha yang dialami semasa saingan Liga Hoki Malaysia, Februari lalu, yang menyaksikan dia terlepas aksi Pusingan Akhir Siri FIH, di sini, bulan lalu.

“Sudah empat kali saya mencuba sejak kelayakan Sukan Olimpik Athens 2004, Beijing 2008, London 2012 dan Rio 2016, tetapi semuanya masih tidak berjaya.

Realisasi impian

“Jadi, saya berharap percubaan kali kelima membawaikan hasil merealisasikan impian saya beraksi pada Sukan Olimpik,” katanya ketika ditemui pada sesi latihan, semalam.

Katanya, dia berdepan saat sukar sepanjang menjalani tempoh pemulihan selama empat bulan apabila melihat rakannya beraksi dari tepi padang.

Bagaimanapun, penjaga gol kelahiran Tampin, Negeri Sembilan itu menegaskan dia belum boleh mengerahkan dirinya kerana belum pulih sepenuhnya.

“Saya sudah kembali berlatih sejak tiga minggu lalu. Walaupun sudah hampir 90 peratus pulih, saya tak boleh menjalani latihan penuh bersama rakan sepasukan,” katanya.